

# PROGESIC SUSPENSION

Paracetamol (250mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Progesic Suspension
2. Bagaimana Progesic Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Progesic Suspension
4. Cara menggunakan Progesic Suspension
5. Semasa menggunakan Progesic Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Progesic Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Progesic Suspension

Digunakan untuk melegakan:

- Demam
- Kesakitan termasuk sakit gigi dan sakit kepala.

## Bagaimana Progesic Suspension berfungsi

Paracetamol adalah ubat tahan sakit dan meredakan demam.

Ia bertindak mengurangkan penghasilan bahan kimia yang menyebabkan keradangan, kesakitan dan demam.

## Sebelum menggunakan Progesic Suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Progesic Suspension jika anda alah terhadap Paracetamol atau bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Progesic Suspension

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Progesic Suspension jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.
- mempunyai penyakit buah pinggang atau hati.

## AMARAN

Produk ini mengandungi  
PARACETAMOL.

Dilarang mengambil ubatan lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

- **Amaran alahan:** Paracetamol mungkin boleh menyebabkan masalah kulit yang teruk. Simptom termasuk kulit kemerahan, lepuh atau ruam. Ini mungkin merupakan tanda-tanda keadaan yang serius. Jika ini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan secepat mungkin.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang diperolehi tanpa preskripsi terutamanya ubat coumarin (ubat cair darah).

## Cara menggunakan Progesic Suspension

- Berapa banyak harus digunakan

- **Dewasa:** 10ml-20ml setiap 4-6 jam. Maksimum 80ml dalam sehari.

• **Kanak-kanak:**

*1-5 tahun:* 2.5ml-5ml setiap 4-6 jam.

*6-12 tahun:* 5ml-10ml setiap 4-6 jam.

- Bila perlu digunakan

Diambil sebelum atau selepas makan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Jika sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya, muntah, sakit perut, kerosakan hati yang teruk dan juga menyebabkan kerosakan buah pinggang, koma dan kematian.

## Semasa menggunakan Progesic Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika demam masih tidak berkurangan dalam tempoh 36 jam, sila dapatkan nasihat doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Progesic Suspension secara umumnya tidak menyebabkan kesan sampingan. Walau bagaimanapun, jika berlaku ruam, rawatan perlu dihentikan.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Progesic Suspension

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Pastikan botol sentiasa ditutup.

Jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Suspensi berwarna oren dengan perisa raspberi dan ceri.

Didapati di dalam bungkus 100ml.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Paracetamol
- Bahan tidak aktif  
Cherry Flavour, Sunset Yellow, Aluminium Magnesium Silicate, Syrup, Rasperry Flavour, Methyl

# PROGESIC SUSPENSION

Paracetamol (250mg/5ml)

---

Hydroxybenzoate, Propyl  
Hydroxybenzoate, Xanthan Gum,  
Purified Water, Propylene Glycol,  
Saccharin Sodium.

- *Nombor MAL:*

MAL19912891XZ

**Pengilang dan pemegang pendaftaran  
produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

09/06/2020

**Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)130520/00077